

ADC-S770

(R)

CERAI TA'LIQ: KAJIAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH KOTA BHARU

ISMALIZA BT ISMAIL

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511653811

**CERAI TA'LIQ: KAJIAN KES
DI MAHKAMAH SYARIAH KOTA BHARU**

ISMALIZA BT ISMAIL

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

ABSTRAK

Pada asasnya tidak ada nas yang jelas tentang hukum cerai ta'liq di dalam al-Qur'an dan al-sunnah, namun permasalahan ini telah berlaku berlaku sejak zaman berzaman sehingga mendesak ulama memberi pandangan berdasarkan nas-nas yang berkaitan dengannya. Oleh kerana itu disertasi ini bertujuan mengemukakan suatu kajian tentang cerai ta'liq dari sudut pandangan syarak dan pelaksanaannya mengikut undang-undang di Malaysia, dengan rujukan khusus kepada kes-kes di Mahkamah Syariah Kota Bharu, Kelantan. Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, umpamanya telah menyediakan lafaz ta'liq yang mengandungi syarat-syarat yang mengikat suami. Sekiranya syarat-syarat tersebut dilanggar, dan isteri telah membuat aduan ke Mahkamah, maka akan jatuh talak. Syarat-syarat tersebut ialah meninggalkan isteri, menyakiti tubuh badan isteri, tidak memberi nafkah kepada isteri dan tidak mempedulikan isteri. Kajian ini menggunakan metod kajian perpustakaan, khususnya untuk mengkaji konsep asas cerai ta'liq sepertimana yang dibincangkan oleh *fuqahā'* dalam kitab-kitab fiqh. Data-data dan dokumen berkaitan seperti Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan dan kes-kes berkaitan juga dirujuk. Setiap negeri mempunyai lafaz ta'liq tersendiri. Di antara lafaz-lafaz tersebut masih lagi mempunyai kelemahan-kelemahan sehingga ada antaranya bertentangan dengan kehendak syarak. Oleh sebab itu ianya masih perlu kepada penyeragaman yang menyeluruh agar menepati kehendak Islam. Walaupun terdapat kelemahan-kelemahan dalam beberapa aspek, kebanyakan ulama di negara ini tetap bersetuju dengan peraturan ta'liq yang terpakai sekarang. Ini bertujuan menjaga maslahah kaum isteri agar tidak teraniaya, terutamanya memandangkan zaman sekarang ramai suami yang gagal melaksanakan tanggungjawab kerana pegangan agamanya yang longgar atau kerana faktor-faktor lain.

ABSTRACT

Basically, there is no clear *nas* about the law of ta'liq divorce stated in the Holly Qur'an and al-Sunnah. And yet, this problem has happened since centuries ago, which demands the ulama to give opinions based on the *nas* to the problem. Thus, this dissertation presents a study on ta'liq divorce from the viewpoint of the syarak and its implementation according to the law in Malaysia, with a special reference to cases in the Kota Bharu Syariah Court in the state of Kelantan. The Muslim Family Enactment of Kelantan has a ta'liq statement which contains rules that ties the husbands. If the rules are disobeyed and the wife makes a report to the court then the talak rule applies. The conditions are leaving the wife, hurting her physically, not providing her basic needs and not being care to the wife. This research uses library research method to overview the basic concept of cerai ta'liq as discussed by *fuqaha'* in fiqh books. The related documents such as The Muslim Family Enactment of Kelantan and cases are referred. Every state has its own ta'liq statement, even though there are still some weaknesses among the ta'liq statements and there are some who oppose the syarak law. Therefore, it still needs a full and uniform arrangement to meet the Islamic needs. Even though there are weaknesses in some aspects, most of the ulama in the country have agreed to the ta'liq rule is being used now. The reason is to preserve the right of wives so that they would not be mistreated, as at present there are many husbands who fail to carry out their responsibilities due to insufficient religious knowledge or because of other factors.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dipanjangkan kepada Ilahi, Tuhan pencipta sekalian alam kerana dengan izin serta 'Inayah-Nya penulis dapat menyiapkan kajian ini meskipun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Di dalam ruangan ini, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih serta penghargaan kepada Pn. Siti Zubaidah bt. Ismail selaku penyelia bagi disertasi ini di atas segala pertolongan, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan. Semoga Allah s.w.t yang dapat membalasnya.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta, Zulkefli bin Junoh yang tidak pernah jemu membantu penulis dalam menghadapi sebarang permasalahan yang timbul di setiap ketika. Tidak lupa juga kepada anak-anak tersayang, Anas, Amani, Asmaa' dan Amru. Jerit perit menguruskan mereka menjadi dorongan utama di sebalik usaha ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Mufti Negeri Kelantan iaitu Dato' Hj. Hasbullah bin Hj. Hassan, Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan iaitu Dato' Hj. Daud b. Hj. Mohamad, hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu iaitu Tn. Hj. Muhammad Lutpi bin Hj. Nor dan Hj. Wan Yahya bin Wan Mamat atas kesudian mereka ditemubual. Termasuk juga kakitangan-kakitangan yang terlibat iaitu Penolong Pegawai Tadbir Mahkamah Tinggi Syariah serta Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.

Seterusnya penulis tujukan ucapan penghargaan ini kepada kakitangan-kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya Cawangan Nilam Puri, Perpustakaan Umum Universiti Malaya dan Perpustakaan Undang-undang yang selalu bersedia memberikan perkhidmatan kepada penulis ketika diperlukan.

Ucapan ini juga ditujukan kepada Pengetua dan guru-guru S.M.K Panji Kota Bharu atas dorongan semangat yang diberikan seterusnya kepada semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

Sekian, Wassalam

Ismaliza bt. Ismail
No. 27, Kampung Panjang, Binjai
Banggu, Kubang Kerian
16150 Kota Bharu Kelantan

Isnin : 6hb April 2004 Masihi
6 Rabiul awal 1425 Hijrah.

SENARAI KES

Aisny bt. Mohd Daris lawan Hj. Fahro Rozi bin Mohdi

(1991) 7 J.H. (2). 222

Aniza binti Ibrahim lawan Mohammad Nor bin Ismail

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil.T.58/99

Azlina bt. Idris lawan Md. Azmi bin Abdullah

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil.T.7/2000

Badariah bt. Masrin lawan Rusli bin Abu Bakar

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T.57/2000

Che Zawana binti Che Ahmad lawan Hamid bin Kassim @ Hussin

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T.59/99

Hasnah lawan Borhan Al-Din

Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Tumpat bil T.21/86

(1991) 9 J.H.(1).136

Husnira bt. Kadir lawan Muhammad Razi bin Daud

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T.64/2000

Juliana bt. Mohd Johan lawan Ahmad Halim bin Hussin

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T.21/99

Kholijah bt. Harun lawan Madzuki bin Mamat

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T. 190/99

Mariam lawan Setapa

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T. 1/81

(1984) 4 J.H.(2). 220

Mek Som bt. Awang Teh lawan Azaman @ Azman bin Che Daud

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T. 85/93

Naimah bt. Mahmood lawan Isa bin Abdullah

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T. 163/98

Nik Abdul Aziz b. Nik Mat Ariffin lawan Hamidah binti Bidi

Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu bil. T. 64/2001

Nora bt. Nawawi lawan Ahmad Zamri

(1990) 3 J.H.(1).105

Rohani bt. Adam lawan Ilias bin Muhammad

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T.47/2000

Salehah binti Zakaria lawan Che Ku Ali bin Che Ku Ngah

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T. 46/97

Som @ Che Norliza bt. Che Kob lawan Muhammad Sauki bin Muhammad

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T. 24/2000

Syam Sarah lawan Kassim

(1998) 9 J.H.(1).136

Zainun bt. Che Ya lawan Mohd Zin bin Nik Man

Kes Mal Mahkamah Syariah Kota Bharu bil. T. 71/99

Zarina Mohamad lawan Zahari bin Mohd. Razi

Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu bil. T. 78/2001

SENARAI STATUT

Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (1984)

Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan: No.3, (1982).

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan: No. 1, (1983), Pindaan: No 6, (2002)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Terengganu (1986)

Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (1982)

SENARAI JADUAL

Jadual 3.3 Jumlah Kes Cerai Ta'liq yang dipilih mengikut Kategori

Jadual 4.1.1 Jumlah Kes Cerai Ta'liq, Fasakh dan Cerai Biasa

Jadual 4.1.2 Peratus Kes Cerai Ta'liq, Fasakh dan Cerai Biasa

Jadual 4.1.3 Jumlah Keseluruhan Kes Cerai di Kelantan

Jadual 4.1.4 Peratus Keseluruhan Kes Cerai di Kelantan

Jadual 4.2.1 Kes-kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu mengikut Kategori

Jadual 4.2.2 Peratus Kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu mengikut Tahun

Jadual 4.2.3 Perbandingan Kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu

Jadual 4.2.4 Jumlah Keseluruhan Kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu

Jadual 4.2.5 Peratus Keseluruhan Kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu

Jadual 4.3.1 Kes-kes Cerai Ta'liq Jajahan Kota Bharu dan Jajahan Lain

Jadual 4.3.2 Peratus Kes Cerai Ta'liq mengikut Jajahan

Jadual 4.3.3 Jumlah Kes Cerai Ta'liq Seluruh Jajahan

Jadual 4.3.4 Peratusan Kes Cerai Ta'liq Seluruh Jajahan

Jadual 4.4.1 Kes-kes Cerai Ta'liq yang Selesai mengikut Jajahan

Jadual 4.4.2 Peratus Kes Cerai Ta'liq yang Selesai mengikut Jajahan

Jadual 4.4.3 Jumlah Keseluruhan Kes Cerai Ta'liq yang Selesai

Jadual 4.4.4 Peratus Keseluruhan Kes Cerai Ta'liq yang Selesai

Jadual 4.5.1 Kes-kes Cerai Ta'liq yang Tertangguh mengikut Jajahan

Jadual 4.5.2 Peratus Kes Cerai Ta'liq yang Tertangguh mengikut Jajahan

Jadual 4.5.3 Jumlah Keseluruhan Kes Tertangguh mengikut Tahun

Jadual 4.5.4 Peratus Keseluruhan Kes Tertangguh mengikut Tahun

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Sighah Ta'liq Negeri Kelantan

Lampiran B : Borang Permohonan Cerai (Borang 5A)

Lampiran C : Surat Perwakilan Biro (Borang 8)

Lampiran D : Contoh Penyata Tuntutan

Lampiran E : Contoh Laporan Doktor

Lampiran F : Notis Kes Ta'liq Kepada YKT

Lampiran G : Perakuan Sumpah Penyerah Notis (Borang 11A)

Lampiran H : Notis Saman

Lampiran I : Waran Tangkap (Borang 2D)

Lampiran J : Waran Perlukan Orang Salah

Lampiran K : Notis Tuntutan Mengesah *Mu'allaq 'Alayh*

Lampiran L : Surat Keputusan Perbicaraan

SENARAI KEPENDEKAN

Abd.	Abdul
BBG	Biro Bantuan Guaman
Bhg.	Bahagian
Bil.	Bilangan
Dr.	Doktor
h.	Halaman
Hj.	Haji
Ibid	Ibedem, pada tempat yang sama
J.	Jilid
No.	Nombor
op.cit.	opera citato, dalam karya yang dirujuk sebelumnya
Prof.	Profesor
RM	Ringgit Malaysia
s.a.w.	Sallallahu ‘Alayhi Wasallam
s.w.t.	Subhanahu Wa Ta‘ala
T	Ta’liq
T.T	Tanpa Tahun
YKT	Yang Kena Tuntut
YM	Yang Menuntut

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

Perkataan-perkataan Arab yang dirumikan dalam penulisan disertasi ini mengikut transliterasi berikut:

Huruf Arab	Huruf Rumi
أ	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh

ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ءـ	'
يـ	y
هـ	h

2. Vokal dan Diftong

i. Vokal Pendek

ا : a

ي : i

و : u

iii. Diftong

أي : ay

أو : aw

إي : iy/i

عو : uw/uw

ii. Vokal Panjang

آ : ā

ئـ : ī

ۈـ : ۈ

Rujukan :

Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi (1998), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Bagi Pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

KANDUNGAN	Halaman
Abstrak	ii
Penghargaan	iv
Senarai Kes	vi
Senarai Statut	ix
Senarai Jadual	x
Senarai Lampiran	xi
Senarai Kependekan	xii
Panduan Transliterasi	xiii
Kandungan	xv
 Pendahuluan	
Pendahuluan	1
Latar Belakang Kajian	4
Masalah Kajian	5
Persoalan Kajian	6
Objektif Kajian	7
Hipotesis Kajian	8
Skop Kajian	9
Kajian-kajian Lepas	10
Huraian Istilah	11
Metod Kajian	12

Bab Pertama : Konsep Cerai Ta'liq Menurut Hukum Syarak

Pendahuluan	16
1.1 Pengertian Cerai Ta'liq	16
1.2 Kata Syarat bagi Lafaz Ta'liq	19
1.3 Contoh-contoh Lafaz Ta'liq dalam Kitab-kitab Fiqh	20
1.4 Pembahagian Lafaz Talak Menurut <i>Jumhūr Fuqahā'</i> dan Ibn Taymiyah	22
1.5 Syarat-syarat Sah Ta'liq	24
1.6 Pandangan <i>Fuqahā'</i> Terhadap Hukum Cerai Ta'liq	27
1.6.1 Pandangan Golongan Pertama (<i>Jumhūr Fuqahā'</i> , Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali)	27
1.6.2 Pandangan Golongan Kedua ('Ali bin Abi Talib, Ibn Hazm, Daud al-Zahiri dan Lain-lain)	27
1.6.3 Pandangan Golongan Ketiga (Ibn Taymiyah Dan Ibn Qayyim)	28
1.7 Hujah dan Alasan Setiap Golongan Terhadap Hukum Cerai Ta'liq	30
1.7.1 Alasan Golongan Pertama	30
1.7.2 Alasan Golongan Kedua	34
1.7.3 Alasan Golongan Ketiga	39
1.8 Antara Jenis-jenis Ta'liq Talak yang dibincangkan oleh <i>Fuqahā'</i>	41-
1.8.1 Ta'liq dengan Insya Allah	41
1.8.2 Ta'liq dengan Kehamilan	42
1.8.3 Ta'liq dengan Haid	43

1.8.4 Ta'liq dengan Masa Tertentu	43
1.8.5 Ta'liq dengan Syarat yang Tidak Diketahui	43
1.9 Peruntukan Cerai Ta'liq dalam Perundangan Timur Tengah	44
1.10 Pensyariatan Talak dan Ta'liq Talak mengikut Hukum Syarak	45
Kesimpulan	50
Nota Hujung	50

Bab Kedua : Analisis Kritikal Terhadap Peruntukan Cerai Ta'liq di Malaysia

Pendahuluan	54
2.1 Kepentingan Kewujudan Peruntukan Cerai Ta'liq dalam Undang-undang	56
2.2 Lafaz-lafaz Ta'liq Negeri-negeri di Malaysia	58
2.3 Isi Kandungan Syarat-syarat Ta'liq di Malaysia	62
2.4 Analisa Permasalahan dalam Pelaksanaan Peruntukan Ta'liq Negeri-negeri di Malaysia	67
2.4.1 Ketidakseragaman Peruntukan Syarat-syarat Ta'liq	67
2.4.2 Penggunaan Istilah yang Berbeza	70
2.4.3 Meninggalkan Isteri dengan Terpaksa	71
2.4.4 Jatuh Talak Setelah Rujuk tanpa Izin Isteri	72
2.4.5 Jatuh Cerai Ta'liq atau Khulu'	74
2.4.6 Ingkar Ta'liq Menyebabkan Gugur Talak	76
2.4.7 Lafaz Ta'liq Paksaan ke atas Suami	77
2.5 Tuntutan Cerai Ta'liq yang ditetapkan oleh Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan ,No. 1, Tahun 1983	78

2.6 Ta'liq Lisan atau Persendirian	83
2.7 Kesan Tuntutan Cerai Ta'liq Terhadap Ikatan Perkahwinan	84
Kesimpulan	87
Nota Hujung	89
Bab Ketiga : Prosedur Tuntutan Cerai Ta'liq di Mahkamah Syariah Kota Bharu	
Pendahuluan	91
3.1 Prosedur Tuntutan Cerai Ta'liq	92
3.2 Kaedah Pembuktian Cerai Ta'liq	96
3.3 Analisa Permasalahan dalam Prosedur Tuntutan Cerai Ta'liq	99
3.3.1 Kurangnya Pengetahuan Tentang Ta'liq dan Peruntukan Undang-Undang Mengenainya	100
3.3.2 Pihak-Pihak Tidak Menggunakan Khidmat Peguam	101
3.3.3 YKT (suami) Sukar dihubungi	101
3.3.4 Kesukaran Mengemukakan Keterangan dan Saksi	102
3.3.5 Rayuan oleh Suami	103
3.3.6 Penangguhan Kes oleh Peguam	104
3.3.7 Penangguhan oleh Pihak-Pihak	104
3.3.8 Penangguhan oleh Mahkamah	105
3.4 Laporan Kes-kes Tuntutan Cerai Ta'liq dari Fail-fail Kes di Mahkamah Syariah Kota Bharu	106
3.4.1 Ta'liq Tinggal	106
3.4.2 Ta'liq Tidak Mempedulikan Isteri	108

3.4.3 Ta'liq Tidak Memberi Nafkah	109
3.4.4 Ta'liq Menyakiti Tubuh Badan	110
3.4.5 Ta'liq Suami Ghaib	112
3.4.6 Ta'liq Tidak Sekedudukan	113
3.4.7 Ta'liq Persendirian atau Lisan	113
3.5 Faktor Perceraian Ta'liq	119
Kesimpulan	120
Nota Hujung	121

**Bab Keempat : Senario Perceraian Secara Ta'liq di Mahkamah
Syariah Kota Bharu Sepanjang 1996 Hingga 2001**

Pendahuluan	123
4.1 Perbandingan Kes-kes Cerai Ta'liq, Fasakh dan Cerai Biasa dari Tahun 1996 Hingga Tahun 2000	124
4.2 Statistik Kes-kes Cerai Ta'liq mengikut Kategori di Jajahan Kota Bharu	126
4.3 Kes-kes Cerai Ta'liq Seluruh Jajahan Kelantan dari Tahun 1996 Hingga 2000	133
4.4 Kes-kes Cerai Ta'liq yang Selesai dibicarakan dari Tahun 1996 Hingga 2000	136
4.5 Kes-kes Cerai Ta'liq yang Tertangguh Mulai Tahun 1996 Hingga 2000	139 -
Kesimpulan	142

Penutup

Kesimpulan	144
Cadangan	154
Nota Hujung	157

Bibliografi

Lampiran

PENDAHULUAN

Perkahwinan adalah satu ikatan persetujuan yang dilafazkan melalui akad nikah untuk hidup bersama antara seorang lelaki dengan seorang perempuan dengan kedua-dua belah pihak bersama mengharapkan supaya persetujuan yang mereka buat kukuh dan tahan sehingga ke akhir hayat. Ia adalah suatu ikatan yang suci, salah satu sunnah Rasulullah s.a.w. bertujuan menghalalkan pergaulan antara kedua-dua mereka serta melahirkan zuriat keturunan umat Rasulullah s.a.w.

Mengekalkan ikatan perkahwinan di antara kedua-dua suami isteri adalah suatu amanah daripada Allah s.w.t. Islam menghendaki supaya kedua-dua suami isteri berhubung dengan baik dalam perkahwinan mereka. Al-Qur'an telah menunjukkan cara-cara perhubungan yang baik walaupun dalam keadaan tegang untuk mengelak daripada berlakunya perceraian. Dalam situasi ini, Allah telah berfirman sebagai satu ajaran kepada suami isteri sebagaimana berikut:

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُثْرُوهُنَّ فَمِظْوَهُنَّ وَأَنْجَرُوهُنَّ فِي
الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطْعَنْتُكُمْ فَلَا تَنْهَا عَنِيهِنَّ سَبِيلًا

bermaksud:

"Wanita-wanita yang kamu khuatiri nusuznya maka nasihatilah mereka dan pisahkan dari tempat tidur mereka, dan pukullah mereka, kemudian jika mereka mentaatimu maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya."

Surah al-Nisa' (4) : 34

Dalam satu ayat yang lain pasangan suami isteri juga diingatkan agar membendung atau menghapuskan perasaan benci antara satu sama lain. Firman Allah s.w.t:

فَإِنْ كُرِهْتُمُوهُنَّ فَقْسَطٌ
أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

bermaksud:

-Dan bila kamu tidak menyukai mereka (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak."

Surah al-Nisa' (4) : 19

Perceraian walaupun suatu yang halal tetapi amat dibenci oleh Allah s.w.t.

Sabda Rasulullah s.a.w:¹

أَبْغَضُ الْحَلَالَ إِلَى اللَّهِ الظَّلَاقُ

bermaksud:

-Sebenci-benci perkara halal di sisi Allah ialah talak.-

Walaupun demikian segala sesuatu terletak di luar kemampuan manusia, semuanya bergantung kepada kekuasaan Allah. Apabila ternyata bahawa persetujuan perkahwinan tidak dapat diteruskan kerana sesuatu sebab yang

tidak dapat dihindari maka belum menghalalkan suatu jalinan seluar secara

Agama Islam membenarkan perceraian. Tetapi kebenaran itu adalah dalam keadaan yang sangat memaksa dan setelah segala usaha dan ikhtiar untuk membahagiakan perkahwinan itu menemui jalan buntu. Islam tidak memaksa kedua-dua suami isteri hidup dalam keadaan sengsara apabila tiada lagi jalan penyelesaian kerana tidak menyukai antara satu sama lain. Perceraian dalam Islam merupakan jalan penyelesaian terakhir sebagai perlindungan bagi menghilangkan penderitaan suami isteri apabila ditimpa sesuatu permasalahan atau kesulitan yang membawa kepada sulitnya penyusunan hidup suami isteri.

Pembubaran perkahwinan dalam Islam boleh berlaku melalui banyak cara. Islam menggariskan beberapa cara penyelesaian bagi melaikan ikatan perkahwinan sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan persetujuan kedua-dua pihak atau tidak. Perceraian berlaku sama ada melalui talak *raj'i* atau talak *ba'in*. Ia juga boleh berlaku melalui persetujuan kedua pihak atau sebelah pihak iaitu melalui kehendak isteri dengan alasan-alasan yang munasabah seperti *khulu'* atau melalui kuasa undang-undang iaitu fasakh

Pembubaran perkahwinan melalui talak berlaku secara langsung (*munyizah*) iaitu dengan lafaz yang bermakna jatuh talak pada masa melafazkannya dan juga berlaku secara *ta'liq* iaitu kata-kata yang diucapkan oleh suami dengan maksud jatuh talak apabila ada atau berlaku perkara yang dita'liqkan pada masa setelah *ta'liq* itu diucapkan.

Talak secara *ta'liq* boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama *ta'liq* yang dilafazkan sendiri oleh suami dengan pilihannya kerana sesuatu

sebab yang dia sendiri merasakan amat perlu berta'liq. Mungkin untuk memperbaiki perangai isterinya yang tidak menyenangkan atau pun memang dia hendak menceraikan isterinya melalui ta'liq. Kedua, ta'liq yang dimestikan oleh peraturan dan undang-undang tanpa kena mengena dengan kehendak suami jauh sekali dengan niat hendak menceraikan isteri atau memperbaiki sesuatu keadaan.

Latar Belakang Kajian

Lazimnya, keseluruhan akad perkahwinan yang berlaku diikuti dengan lafadz ta'liq. Pelaksanaan peraturan melafaz ta'liq selepas akad nikah dalam majlis perkahwinan sudah menjadi amalan di semua negeri.

Sighah ta'liq yang termaktub dalam perakuan nikah setiap pasangan yang berkahwin di negeri Kelantan adalah sebagaimana berikut;²

-Bahawa adalah saya(nama suami).....dengan ini berta'liq iaitu manakala saya tinggalkan isteri saya(nama isteri)..... selama 4 bulan atau lebih dengan sengaja atau paksa atau saya atau wakil saya tiada memberi nafkah yang wajib kepadanya selama masa yang tersebut padahal ia taat kepada saya atau saya menyakiti tubuh badannya atau saya tidak memperdulikannya selama 4 bulan atau lebih atau kemudian ia mengadu kepada kadi / hakim syarak dan manakala sabit aduannya dan ia memberi kepada kadi/ hakim syarak bagi pihak saya sebabik RMI maka ketika itu tertalaklah ia dengan satu talak khul'i."

Proses menuntut perceraian melalui ta'liq telah diperuntukkan dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan (Selepas ini akan ditulis EKINK), No.1,1983, yang mana seksyen 37 (1). {Pindaan, Enakmen Undang-undang

Keluarga Islam Negeri Kelantan, No.6, tahun 2002, seksyen 50(1)); menjelaskan;

Seseorang perempuan yang bersuami, boleh jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat ta'liq yang dibuat apabila berkahwin, memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian demikian telah berlaku.

Peruntukan ini menjelaskan bahawa golongan isteri berhak menuntut cerai di mahkamah di bawah peruntukan cerai ta'liq bila syarat-syarat ta'liq sebagaimana yang dinyatakan dalam *sīghah* ta'liq berlaku iaitu;

- i. apabila ditinggalkan suami selama empat bulan atau lebih
- ii. suami tidak memberi nafkah selama empat bulan atau lebih
- iii. suami mencederakan isteri (memudarangkan atau memukul)
- iv. suami tidak memperdulikan isteri selama empat bulan atau lebih.

Peruntukan tersebut jelas menunjukkan suatu motif yang baik iaitu bertujuan untuk membela nasib para isteri dan kemungkinan juga bertujuan untuk mengurangkan kadar perceraian. Namun, dari satu sudut yang lain, ia menampakkan bahawa golongan isteri dengan mudah boleh menuntut cerai di mahkamah dan pihak mahkamah juga dengan mudah boleh meluluskan permohonan tersebut. Keadaan ini sudah tentu mengakibatkan perkara lain akan berlaku iaitu pertambahan kadar perceraian.

Masalah Kajian

Setiap pasangan yang berkahwin akan melafazkan ta'liq sebaik sahaja akad nikah selesai. Samada disedari atau tidak kebanyakan suami akan menjalankan upacara tersebut. Pada hakikatnya kesan lafaz ta'liq yang

diucapkan sebenarnya telah mengikat mereka. Kemungkinan jika sesetengah mereka menyedari keadaan sebenar, mereka enggan berbuat demikian. Ini kerana jika mereka gagal menunaikan nafkah atau gagal bersekedudukan dengan isteri dalam tempoh tertentu umpamanya, isteri-isteri mereka berhak menuntut cerai berdasarkan ta'liq walaupun mereka sebenarnya enggan menceraikan isteri-isteri mereka. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah mudah bagi isteri menuntut cerai. Sedangkan tujuan perkahwinan dalam Islam adalah sebagai akad perkongsian untuk hidup bahagia hingga ke akhir hayat.

Oleh kerana persoalan cerai ta'liq ini melibatkan hukum syarak dan membatitkan undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia, maka ia merupakan permasalahan yang serius. Sebagai suatu usaha untuk mengenalpasti permasalahan ini secara lebih dekat, penulis telah mengkaji konsep sebenar cerai ta'liq mengikut hukum syarak, dan memilih Mahkamah Syariah Kota Bharu sebagai tumpuan kajian. Khususnya untuk mengkaji prosedur tuntutan dan pensabitan kes serta kadar tuntutan kes cerai ta'liq berbanding cerai biasa dan fasakh.

Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan berasaskan beberapa persoalan yang ingin diketahui oleh penulis. Antaranya;

- i. Sejauhmanakah pelaksanaan peraturan melafaz ta'liq oleh pengantin lelaki dalam majlis akad nikah yang berlaku hari

- ini menepati kehendak hukum syarak. Adakah ianya diharuskan ?
- ii. Adakah peraturan tersebut bertepatan dengan apa yang telah dibincangkan oleh *fuqahā'* ?
 - iii. Apakah kebaikan dan kelemahan di sebalik pemakaian undang-undang berkaitan ta'liq ?
 - iv. Apakah matlamat sebenar di sebalik pelaksanaan peraturan ta'liq tersebut ?

Bertolak dari persoalan-persoalan tersebut penulis telah menyusun beberapa objektif dalam kajian ini dan berusaha mendapatkan sumber-sumber berkaitan bagi mencapai objektif tersebut.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut;

- 1. Membincangkan konsep pensyariatan cerai ta'liq mengikut hukum syarak berdasarkan pandangan *fuqahā'* dan hujah-hujah yang dikemukakan.
- 2. Membuat perbandingan di antara cerai ta'liq yang diperuntukkan oleh Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, No 1, 1983 dengan permasalahan cerai ta'liq yang dibincangkan oleh *fuqahā'* dari segi kesesuaian dan keperluannya pada masa kini.
- 3. Membuat analisa perbandingan antara lafaz-lafaz ta'liq negeri-negeri di Malaysia dari beberapa aspek.

4. Mengkaji prosedur pensabitan cerai ta'liq di Mahkamah Syariah Kota Bharu serta permasalahan yang dihadapi dalam proses tersebut.
5. Membuat analisis terhadap kes-kes cerai ta'liq di jajahan Kota Bharu serta membuat perbandingan antara kes-kes fasakh dan kes-kes cerai biasa berdasarkan statistik yang didapati.

Hipotesis Kajian

Kajian ini dimulakan dengan beberapa hipotesis seperti berikut:

1. Suatu gambaran yang jelas tentang konsep cerai ta'liq mengikut hukum syarak serta pandangan-pandangan *fuqaha'* mengenainya akan dapat dilihat.
2. Ketidaksesuaian pemakaian peruntukan cerai ta'liq dibandingkan dengan konsepnya mengikut hukum syarak dalam setengah-setengah undang-undang di Malaysia akan dikenalpasti melalui analisa permasalahan berkaitan dengannya.
3. Beberapa pilihan pandangan yang bertepatan tentang kesesuaian dan keperluan pemakaian undang-undang ta'liq akan digunakan setelah membincangkan beberapa cadangan ke arah penyeragaman dari aspek undang-undang dan keperluan syarak.
4. Prosedur pebicaraan kes-kes cerai ta'liq serta permasalahannya di Mahkamah Syariah Kota Bharu akan dibentangkan satu persatu.
5. Analisa perbandingan antara kes-kes cerai biasa, fasakh dan cerai ta'liq akan menunjukkan bahawa kes cerai ta'liq lebih masyhur dituntut selepas cerai biasa berbanding dengan fasakh.

Skop Kajian

Disertasi ini menjurus kepada persoalan cerai ta'liq berdasarkan kitab-kitab fiqh untuk meninjau pandangan-pandangan *fuqaha* terhadap hukum atau pensyariatannya. Penulis menumpukan kajian dengan merujuk lafaz ta'liq negeri Kelantan sepetimana yang terkandung dalam surat perakuan ta'liq yang dilampirkan bersama sijil perakuan nikah. Di dalam surat perakuan ta'liq tersebut, mengandungi syarat-syarat ta'liq yang membolehkan isteri menuntut cerai ta'liq di Mahkamah Syariah. Penulis membuat perbandingan di antara lafaz ta'liq negeri Kelantan dengan lafaz-lafaz ta'liq negeri-negeri lain di Malaysia. Melalui perbandingan ini penulis akan dapat membuat penilaian tentang kelebihan dan kekurangannya. Walaupun kajian ini tertumpu kepada negeri Kelantan, namun ia merupakan gambaran secara keseluruhan tentang permasalahan cerai ta'liq yang berlaku di Malaysia.

Penulis juga menumpukan kajian di Mahkamah Syariah Kota Bharu yang terdiri daripada Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Rujukan terhadap fail-fail kes cerai ta'liq dibuat di Mahkamah Rendah Syariah. Kajian kes-kes cerai ta'liq secara tidak langsung membantu penulis memahami permasalahan cerai ta'liq yang berlaku di kalangan masyarakat Kelantan. Di samping itu dapat memahami prosedur pensabitan cerai ta'liq di Mahkamah Syariah Kota Bharu. Untuk tujuan ini penulis juga membuat temubual dengan hakim dan kakitangan mahkamah.

Kajian juga melihat kepada syarat-syarat ta'liq yang terkandung dalam surat ta'liq sebagaimana yang telah dinyatakan dalam peruntukan Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, No 1, 1983, (Pindaan, No.6, tahun 2002). Ia merupakan kajian terhadap kes-kes cerai ta'liq mengikut pengelasan sebagaimana yang terdapat di dalam surat ta'liq yang dikembarkan bersama surat perakuan nikah. Iaitu dibahagikan kepada:

- i. Ta'liq tinggal
- ii. Ta'liq tidak memberi nafkah
- iii. Ta'liq menyakiti tubuh badan
- iv. Ta'liq tidak peduli

Kajian-kajian Lepas

Kajian berkaitan cerai ta'liq pernah dihasilkan oleh seorang tokoh ulama di Negara ini pada tahun 1989. Beliau ialah Dr. Harun Din. Kajian tersebut bertujuan memenuhi keperluan Ijazah Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau menumpukan kepada perbandingan cerai ta'liq mengikut hukum syarak dan pemakaianya dalam undang-undang di negeri-negeri di Malaysia. Beliau telah mengemukakan pandangan tentang ketidakwajaran pelaksanaan undang-undang ta'liq yang berlaku di setiap negeri di Malaysia. Beberapa pandangan dari penulisan lain dikemukakan untuk menyokong pandangan beliau. Antaranya Hj. Suki atau Dasuki Katimun, Salleh Ismail, Abdul Kadir Hj. Ismail, Mahmud Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azhari.³ Dalam kajian ini penulis telah mengembangkan kajian beliau dalam konteks yang berbeza. Penulis telah melihat konsep cerai ta'liq mengikut hukum syarak serta pemakaianya dalam undang-undang di Malaysia, namun penulis lebih menjurus kepada keperluan pemakaian undang-undang ta'liq di negeri-negeri di Malaysia pada masa kini.

Pandangan yang menyokong penerusan pemakaianya dikemukakan. Di samping itu, kajian khusus telah dibuat di negeri Kelantan untuk melihat prosedur tuntutan cerai ta'liq di Mahkamah Syariah Kota Bharu. Analisa terhadap jenis-jenis tuntutan cerai ta'liq serta bilangan kes yang dituntut telah dikemukakan.

Huraian Istilah

'Cerai ta'liq' dalam tajuk kajian ini adalah gabungan perkataan 'cerai', dalam Bahasa Arab '*talaq*', iaitu bererti memutuskan ikatan perkahwinan menggunakan lafaz talak atau cerai oleh suami. Adakalanya dalam teks kajian ini penulis menggunakan gabungan perkataan 'ta'liq talak', iaitu sama ertinya dengan cerai ta'liq. Manakala perkataan ta'liq berasal dari perkataan Arab yang bererti sangkut atau gantung. Dalam soal perceraian, 'ta'liq' dertiikan sebagai mengaitkan jatuh talak apabila berlaku perkara yang disyarat dalam lafaz ta'liq. Contohnya, apabila suami berkata kepada kepada isterinya; "Kalau awak keluar rumah tanpa izin saya, maka jatuh talak". Sekiranya isteri telah keluar rumah, bererti telah berlakulah syarat yang digantungkan dan jatuhlah talaq.

Metod Kajian

a) Metod Pengumpulan Data

Penulisan ini banyak menggunakan metod kajian perpustakaan. Ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep asas berkaitan persoalan yang dikaji kerana kebanyakannya terkandung dalam kitab-kitab fiqh yang boleh didapati di

perpustakaan. Kaedah asal persoalan yang dikaji iaitu berkaitan cerai ta'liq dapat difahami dengan lebih jelas melalui rujukan kitab-kitab fiqh. Setelah mendalamai asas-asas utama kajian seperti pengertian ta'liq, syarat-syarat dan pandangan *fiqahā'* berserta hujjah yang dikemukakan, barulah penulis merujuk kepada persoalan semasa yang dikaji.

Pengumpulan data daripada buku-buku di perpustakaan telah digunakan dengan merujuk kepada pelbagai pandangan para sarjana sama ada ulama terdahulu atau ulama terkini berdasarkan penulisan-penulisan yang dihasilkan oleh mereka. Penumpuan yang utama diberikan kepada pengkajian cerai ta'liq dari pandangan tokoh-tokoh ulama berdasarkan hukum syarak bermula dari pentakrifan, contoh-contoh, syarat-syarat, perbezaan pandangan antara *fiqahā'* berserta hujjah masing-masing. Antara pandangan mazhab yang terlibat termasuklah mazhab empat iaitu Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali. Pandangan tokoh lain yang turut terlibat ialah Ibn Taymiyah.

Penelitian penulis seterusnya menekankan mengenai pelaksanaan undang-undang berkaitan cerai ta'liq yang berlaku di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan dengan merujuk kepada dokumen-dokumen berbentuk Enakmen khususnya Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan dan data-data daripada buku pendaftaran kes atau buku laporan kes.

Data-data dan fakta-fakta juga diperolehi oleh penulis dari pengkajian terhadap fail-fail kes cerai ta'liq yang terdapat di mahkamah. Maklumat-maklumat penting daripada kes-kes tersebut telah dapat diolah sehingga

beberapa fakta dan data penting yang lain dikenalpasti. Contohnya mengenalpasti kadar perceraian ta'liq bagi jajahan Kota Bharu, prosedur pensabitan cerai ta'liq serta sebab-sebab atau punca berlaku perceraian secara ta'liq. Turut membantu memudahkan lagi penulis mendapatkan data, khususnya mengenai kadar perceraian di seluruh jajahan di Kelantan adalah dukumen yang telah disediakan oleh pihak mahkamah iaitu buku pendaftaran kes di Mahkamah Tinggi Syariah.

Dalam usaha mendapatkan dokumen-dokumen tersebut penulis telah mendapat kebenaran dari pihak mahkamah. Kebenaran ini adalah bergantung kepada surat akuan yang disediakan oleh Pejabat Akademi Pengajian Islam, Bahagian Ijazah Tinggi. Data-data berkaitan statistik kadar perceraian ta'liq bagi tahun 2000 ke bawah didapati di Mahkamah Tinggi Syariah melalui Pegawai Tadbir Mahkamah, manakala data-data terkini tahun 2001 masih terdapat di Mahkamah Rendah Syariah dan belum dikumpulkan dalam bentuk statistik. Penulis terpaksa menjumlahkan kes-kes dari buku pendaftaran kes tahun 2001. Fail-fail kes pula boleh didapati di bilik khas di Mahkamah Rendah Syariah.

Di samping itu, penulis juga menggunakan metod observasi. Untuk itu penulis telah membuat perhatian secara langsung terhadap proses tuntutan cerai ta'liq di dalam Mahkamah Syariah Kota Bharu. Bagi sesetengah kes cerai ta'liq, hanya dibicarakan dalam kamar hakim.

Selain itu, penulis juga menggunakan metod temubual untuk mendapatkan pandangan dari beberapa responden berkaitan beberapa perkara,

khususnya berkaitan prosedur pensabitan cerai ta'liq dan pandangan-pandangan hakim terhadap pelaksanaan ta'liq yang berlaku hari ini. Temubual secara langsung telah dibuat bersama Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan iaitu Dato' Hj. Daud b. Mohamad, Mufti Negeri Kelantan iaitu Dato' Hj. Hasbullah b. Hj. Hassan, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah iaitu Tn. Hj. Muhammad Lutpi bin Hj. Nor dan Hj. Wan Yahya bin Wan Mamat. Perbincangan secara tidak langsung juga telah dibuat dengan kakitangan Mahkamah Rendah Syariah iaitu Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah dan juga peguam-peguam syarie. Antara peguam syarie yang terlibat ialah Hj. Mohd Zaki bin Zainal Abidin dan Rosniza bt. Mohamed.

b) Metod Penganalisaan Data

Dalam pemakaian metod induktif, penganalisaan dibuat berdasarkan kandungan peruntukan-peruntukan cerai ta'liq dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, No 1, 1983 dan pemakaianya di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan melalui kajian-kajian kes yang dibuat. Seterusnya pemerhatian dibuat untuk melihat ketepatan pelaksanaan undang-undang berkaitan cerai ta'liq dalam peruntukan enakmen dengan ketentuan yang telah digariskan oleh syariat Islam.

Oleh kerana cara pelaksanaan undang-undang tersebut dipertikaikan oleh sebahagian ulama, maka penulis seterusnya akan cuba untuk mengenalpasti sejauh mana atau mana satukah antara pandangan mereka yang relevan dan sesuai diambil kira berdasarkan kehendak semasa. Ini bererti kajian yang dibuat

ini bersifat kontemporari kerana penulis telah cuba untuk mengadaptasikan realiti semasa ke dalam pemakaian peruntukan-peruntukan yang ada.

Bagi penggunaan metod komparatif pula, penulis cuba membandingkan peruntukan Enakmen Keluarga Islam beberapa negeri berkaitan cerai ta'liq serta pengamalannya di mahkamah syariah setiap negeri. Dari sini juga dibuat analisa untuk melihat keberkesanannya serta kelemahan-kelemahan yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

Metod analisa juga dipakai dalam menghuraikan data-data berupa statistik, iaitu statistik kes-kes cerai ta'liq yang didapati di jajahan Kota Bharu dan jajahan-jajahan lain di negeri Kelantan. Analisa dibuat untuk mengenalpasti tuntutan kes yang dituntut dari segi jenis dan bilangannya. Analisa berupa perbandingan antara kes-kes cerai ta'liq, cerai biasa dan fasakh juga dikemukakan.

¹ Hadith riwayat Abū Dāud dan Ibnu Mājah. Ibnu Mājah Abī 'Abdullah Muḥammad bin Yazid al-Qazwīnī (T.T), *Sunan Ibnu Mājah*, J.1. Dar al-Fikr, h. 650.

² Lihat lampiran A (Sighah ta'liq negeri Kelantan).

³ Harun Din (1990), *Ta'liq Talak: Antara Hukum Fiqh Dan Hukum Kanun*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd, hal. 60-62.